PP lwn. MOHD SALLEH MEERASHA

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
MOHAMED ZAINI MAZLAN HMR
AZMI ARIFFIN HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: M-06A-2-01-2023]
6 NOVEMBER 2024

Abstrak – *Keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat di akhir kes pihak pendakwaan tidak termasuk dalam ruang lingkup definisi 'keputusan' bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') kerana, antara lain, itu tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad. Rayuan terhadap keputusan sebegitu tidak boleh dibenarkan bawah s. 50 AMK.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Keputusan boleh dirayu – Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi meminda pertuduhan di akhir kes pihak pendakwaan dan memerintahkan tertuduh membela diri terhadap pertuduhan pindaan – Sama ada keputusan dibuat di akhir kes pihak pendakwaan termasuk dalam ruang lingkup definisi 'keputusan' bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') – Sama ada keputusan boleh dibenarkan bawah s. 50 AMK – Sama ada rayuan bermerit*

PERKATAAN & ISTILAH: *'keputusan' – Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 3 – Sama ada keputusan dibuat Mahkamah Tinggi di akhir kes pihak pendakwaan termasuk dalam ruang lingkup definisi 'keputusan' bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') – Sama ada keputusan melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad – Sama ada keputusan boleh dirayu bawah s. 50 AMK*

Kedua-dua responden telah ditahan oleh pihak polis sewaktu mereka memberhentikan kenderaan mereka di sebuah kawasan lapang berdekatan Jalan A Eredia Road, Portuguese Settlement, Melaka. Susulan pemeriksaan pada kenderaan itu, pihak polis menemukan sebuah beg berwarna coklat dengan tulisan 'Kuwait Finance House' di atas pelapik kaki di bahagian pemandu kenderaan itu. Setelah beg itu dibuka, ditemukan: (i) dua plastik biru dengan tulisan 'Terima Kasih' yang mengandungi: (a) satu balutan surat khabar yang diikat dengan getah berisi satu balutan plastik lutsinar yang mengandungi ketulan mampat dedaun kering disyaki ganja; dan (b) satu balutan surat khabar yang diikat dengan getah berisi satu balutan plastik lutsinar yang mengandungi ketulan mampat dedaun kering disyaki ganja; (ii) satu plastik warna hitam mengandungi dua paket plastik lutsinar berisi ketulan mampat dedaun kering disyaki ganja; dan (iv) satu plastik hitam

mengandungi sembilan paket plastik berisi ketulan mampat dedaun kering disyaki ganja. Selepas barang-barang rampasan itu diserahkan pada SP3, seorang ahli kimia, (SP3) untuk tujuan analisis, disahkan bahawa itu mengandungi dadah jenis Cannabis seberat 2,414g. Di Mahkamah Tinggi, kedua-dua responden secara bersama-sama telah dituduh bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum bawah s. 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan, atas kesalahan mengedar dadah jenis Cannabis seberat 2,414g ('pertuduhan asal'). Kes *prima facie* berjaya dibuktikan terhadap responden pertama, oleh itu, dia diperintahkan untuk membela diri terhadap pertuduhan pindaan, di mana berat asal dadah itu dikurangkan kepada 484g ('pertuduhan pindaan'). Manakala bagi responden kedua pula, berikutan kes *prima facie* gagal dibuktikan terhadapnya, dia diperintahkan untuk dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan asal. Ini adalah rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat terhadap responden pertama. Isu yang timbul adalah sama ada, keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi di akhir kes pihak pendakwaan bagi meminda pertuduhan asal, boleh dirayu.

Diputuskan (menolak rayuan; memerintahkan kes dikembalikan semula ke Mahkamah Tinggi)
Oleh Azmi Ariffin HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Rayuan yang difailkan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat di akhir kes pihak pendakwaan, atas alasan apa sekalipun, adalah 'incompetent' kerana itu tidak terjatuh dalam ruang lingkup definisi 'keputusan' bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK'). Definisi 'keputusan' yang dinyatakan bawah seksyen itu adalah nyata, jelas dan tanpa ragu bahawa hak untuk merayu terhadap apa-apa keputusan atau perintah yang dibuat Mahkamah Tinggi berkaitan kes jenayah tidak termasuk apa-apa perintah yang dibuat dalam perjalanan mana-mana perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad. Berikutan itu, keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat di akhir kes pihak pendakwaan itu tidak boleh dirayu bawah s. 50 AMK, lantas, menjadikan rayuan ini tidak bermerit. Rayuan ini seterusnya ditolak dan kes diperintahkan untuk dikembalikan ke Mahkamah Tinggi bagi pendengaran pembelaan responden pertama atas pertuduhan pindaan. (perenggan 44-46 & 55-57)

***English** Headnotes*

The respondents were arrested by the police when the car driven by the first respondent stopped at an open space at Jalan A Eredia Road, Portuguese Settlement, Melaka. Pursuant to an inspection conducted by the police on the said car, it was found that there was a brown-coloured bag written with the words 'Kuwait Finance House' placed on top of the car mat near the driver's

seat. Once the bag was opened, police discovered that there were: (i) two blue plastic bags written with 'Terima Kasih' containing: (a) a newspaper wrapping tied with a rubber band containing a transparent plastic bag containing compressed chunks of dried leaves believed to be Cannabis; and (b) a newspaper wrapping tied with a rubber band containing a transparent plastic containing compressed chunks of dried leaves believed to be Cannabis; (ii) a black plastic containing two black plastics containing compressed chunks of dried leaves believed to be Cannabis; and (iii) a black plastic containing nine plastic packets containing compressed chunks of dried leaves believed to be Cannabis ('seized items'). Subsequently, after the seized items were handed over to a Chemist (SP3) for analysis, the seized items were confirmed to be Cannabis weighing 2,414g. At the High Court, both respondents were originally charged together under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952, punishable under s. 39B(2) of the same Act read together with s. 34 of the Penal Code, for the offence of trafficking Cannabis weighing 2,414g ('original charge'). At the end of the prosecution's case, a *prima facie* case was proven against the first respondent. Hence, the High Court ordered the original charge to be amended, by reducing the weight of the dangerous drugs to 484g ('amended charge'). The first respondent was then instructed to enter his defence against the amended charge. Whereas for the second respondent, no *prima facie* case was made out against her. Therefore, she was ordered to be acquitted and discharged from the original charge. This was an appeal by the prosecution against the decision of the High Court made against the first respondent. The issue that arose in this appeal was whether, the decision made by the High Court at the end of the prosecution's case, was appealable.

Held (dismissing appeal; ordering case to be remitted back to High Court) Per Azmi Ariffin JCA delivering the judgment of the court:

(1) The present appeal, which was filed by the prosecution against the decision of the High Court made at the end of the prosecution's case, was incompetent because the said 'decision' did not fall within the meaning of 'decision' under s. 3 of the Courts of Judicature Act 1964 ('CJA'). The definition of 'decision' mentioned under the said section is clear and unambiguous that the right to appeal to any decision or order made by the High Court regarding any criminal case does not include any decision or order made during the pendency of any trial or cause or matter that did not dispose of the right of the parties conclusively. Due to this reason, the decision of the High Court made at the end of the prosecution's case was not appealable under s. 50 of CJA. The appeal was therefore non-meritorious, which warranted for the present case to be remitted back to the High Court, for the hearing of the first respondent's defence against the amended charge. (paras 44-46 & 55-57)

Kes-kes yang dirujuk:
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [1999] 1 CLJ 537 CA ***(dirujuk)***
Karpal Singh Ram Singh v. PP [2012] 5 CLJ 537 FC ***(dirujuk)***
Mohamad Ridzuan Zamhor lwn. PP [2018] 4 CLJ 315 CA ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Shahabuddin Mohamed Ali & Ors [2018] 8 CLJ 535 CA ***(dirujuk)***
Saad Abas & Anor v. PP [1998] 4 CLJ 575 CA ***(dirujuk)***
Syarikat Tingan Lumber Sdn Bhd v. Takang Timber Sdn Bhd [2003] 2 CLJ 177 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, ss. 3, 50(1), (2)
Criminal Procedure Code, s. 182
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(da)(xvi), 39B(1)(a)
Penal Code, ss. 34, 354
Sedition Act 1948, s. 4(1)

Bagi pihak perayu pertama - Aida Khairuleen Azli & Zaki Asyraf Zubir; TPR
Bagi pihak responden - G Subramaniam Nair & Devika Suppiah; T/n Maniam Nair & Co

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Melaka; Perbicaraan Jenayah No: MA-46A-01-03-2020 (disahkan))

Dilaporkan oleh Syamim Ariffin

PENGHAKIMAN

Azmi Ariffin HMR:

Mukadimah

[1] Pendakwaan terhadap responden pertama dan kedua bermula di Mahkamah Tinggi Melaka di mana kedua-dua responden telah dituduh di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 7/5/2019 jam lebih kurang 8.40 malam di tepi Jalan A Eredia Road Portuguese Settlement di dalam daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, bagi mencapai niat bersama kamu didapati mengedar dadah berbahaya jenis Cannabis (berat bersih: 2414 gram) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah sekshyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah sekshyen 39B(2) Akta yang sama serta dibaca bersama sekshyen 34 Kanun Kesekshaan.

[2] Di akhir kes pendakwaan, pada 10 Januari 2023, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap responden pertama dan beliau telah dipanggil untuk membela dirinya di atas pertuduhan pindaan berikut:

> Bahawa kamu pada 7/5/2019 jam lebih kurang 8.40 malam di tepi Jalan A Eredia Road Portuguese Settlement di dalam daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka didapati mengedar dadah berbahaya jenis Cannabis berat bersih 484 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah sekshyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah sekshyen 39B(2) Akta yang sama.

[3] Bagi responden kedua pula, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap responden kedua dan dengan itu beliau telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan asal tersebut.

[4] Terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi meminda pertuduhan terhadap responden pertama dan membebaskan responden kedua, maka pada 20 Januari 2023, pihak pendakwaan telah memfailkan notis rayuan yang berasingan ke Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

[5] Rayuan terhadap responden pertama telah didaftarkan atas MRRJ No: M-06A-2-01/2023 manakala rayuan terhadap responden kedua telah didaftarkan atas MRRJ No: M-05(LB)-21-01/2023.

[6] Walau bagaimanapun, rayuan terhadap perintah lepas dan bebas responden kedua (MRRJ No: M-05(LB)-21-01/2023) telah dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan pada 27 September 2023 selepas notis rayuan gagal diserahkan kepada beliau.

[7] Sehubungan dengan itu, rayuan di hadapan kami ini (MRRJ No: M-06A-2-01/2023) hanyalah atas perintah Hakim Mahkamah Tinggi meminda jumlah berat dadah Cannabis daripada 2,414 gram (pertuduhan asal) kepada 484 gram (pertuduhan pindaan) terhadap responden pertama sahaja di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 sahaja.

[8] Bagi memudahkan rujukan, selepas ini kami akan merujuk kedua-dua responden sepertimana panggilan mereka di Mahkamah Tinggi iaitu responden pertama sebagai tertuduh pertama dan responden kedua sebagai tertuduh kedua.

Fakta Kes Pendakwaan Secara Ringkas

[9] Bertindak di atas maklumat yang diterima, pada 7 Mei 2019 jam lebih kurang 8.40 malam bertempat di tepi Jalan A Eredia Road, Portuguese Settlement, 75050 Melaka, Insp Arvindraj a/l Aridass (SP6) bersama sepasukan polis termasuk D/Kpl Nurhidayu binti Tukimin (SP7) dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka telah melihat sebuah kereta jenis Perodua Alza warna maroon nombor pendaftaran WC 8992 P yang mencurigakan telah datang dan berhenti di kawasan lapang berdekatan tempat SP6 dan anggotanya duduk iaitu di hadapan sebuah rumah yang berhampiran dengan jambatan kecil dan bahagian hadapan kereta menghadap ke laut.

[10] Kemudiannya, SP6 melihat seorang lelaki (tertuduh pertama) keluar dari bahagian pemandu kereta dan seorang lagi perempuan (tertuduh kedua) duduk di dalam kereta di bahagian penumpang hadapan. SP6 dan dua anggotanya iaitu D/Sjn Nazre bin Jasman dan Konstabel Zulhisyam telah

pergi ke arah tertuduh pertama dan SP6 telah memperkenalkan diri sebagai seorang pegawai kanan polis dan telah tahan tertuduh pertama di tepi kereta dan mengarahkan tertuduh kedua keluar dari kereta tersebut. SP7 telah diarahkan oleh SP6 untuk mengawal tertuduh kedua.

[11] SP6 telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas tertuduh pertama manakala SP7 pula menjalankan pemeriksaan badan ke atas tertuduh kedua namun tiada apa-apa barang salah yang dijumpai pada mereka berdua.

[12] SP6 kemudiannya telah menjalankan pemeriksaan di dalam kereta dengan disaksikan oleh kedua-kedua tertuduh dan anggota operasi yang lain. Hasil pemeriksaan, SP6 telah menjumpai satu beg warna coklat bertulis "Kuwait Finance House" di atas pelapik kaki bahagian pemandu kereta di dalam keadaan yang berikat. Di dalam beg tersebut, SP6 telah menjumpai barang-barang berikut:

(i) dua plastik warna biru yang bertulis 'terima kasih' di mana di dalamnya mengandungi barang-barang berikut:

(a) di dalam satu plastik pertama terdapat satu balutan surat khabar yang diikat dengan getah dan apabila dibuka didapati di dalamnya terdapat satu balutan plastik lutsinar berisi ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja; dan

(b) di dalam satu plastik kedua terdapat satu balutan surat khabar yang diikat dengan getah dan apabila dibuka didapati di dalamnya terdapat satu balutan plastik lutsinar berisi ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja.

(ii) satu plastik warna hitam di dalamnya mengandungi dua paket plastik lutsinar yang berisi ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja; dan

(iii) satu plastik warna hitam yang mengandungi sembilan paket plastik lutsinar yang berisi ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja.

[13] Kedua-dua tertuduh, rampasan barang-barang kes dan motokar Perodua Alza tersebut telah dibawa oleh SP6 dan pasukan ke Balai Polis Bandar Hilir.

[14] Pada jam lebih kurang 10 malam, SP6 dan anggota-anggota pasukannya tiba di Balai Polis Bandar Hilir. SP6 telah membuat penandaan dan timbangan terhadap barang-barang kes yang dirampas. Penandaan yang dibuat oleh SP6 adalah seperti berikut:

(i) satu beg warna coklat bertulis 'Kuwait Finance House' ditandakan 'A', tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P15);

(ii) dua plastik warna biru yang bertulis 'terima kasih' ditandakan 'A1 dan A3' tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P16 dan P17);

(iii) satu balutan surat khabar yang diikat getah di dalam plastik biru bertanda 'A1' ditandakan 'A2', tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P16A);

(iv) satu balutan surat khabar yang diikat getah di dalam plastik biru bertanda 'A3' ditandakan 'A4', tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P17A);

(v) satu plastik warna hitam ditandakan sebagai 'A5' tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P18);

(vi) dua paket plastik lutsinar yang berisi ketulan mampat daun-daun kering disyaki dadah ganja ditandakan sebagai 'A6' dan 'AT', tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P18A dan P18B);

(vii) satu plastik berwarna hitam ditandakan sebagai 'A8', tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P19);

(viii) sembilan paket plastik lutsinar yang berisi ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja ditandakan sebagai 'A9 hingga A17', tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6. (Ekshibit P19 (1-9));

(ix) kunci motokar warna merah berserta satu alat kawalan jauh berlambang Perodua ditandakan sebagai 'B', tarikh 7 Mei 2019 dan tandatangan SP6 (Ekshibit P51).

[15] SP6 kemudiannya membuat laporan polis sebagaimana Bandar Hilir/002519/19 (eksh. P53). Timbangan barang dadah yang dijumpai di dalam dua beg plastik warna biru bertulis 'terima kasih' beranggaran berat 2,000 gram, dadah di dalam dua paket plastik lutsinar hitam beranggaran berat 248 gram dan dadah dalam sembilan paket plastik lutsinar beranggaran berat 252 gram.

[16] Kesemua barang kes ini kemudiannya telah diserahkan kepada pegawai penyiasat kes iaitu Puan Sarina binti Rusli (SP8) pada 8 Mei 2019 jam 1.10 pagi sebagaimana borang serah menyerah barang kes di antara SP6 dan SP8 (eksh. P54) dan SP8 telah membuat penandaan berikut:

(i) satu beg warna coklat bertulis 'Kuwait Finance House' ditandakan 'S', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P15);

(ii) dua plastik warna biru yang bertulis 'terima kasih' ditandakan 'S1' dan 'S3' tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P16 dan P17);

(iii) satu balutan surat khabar yang diikat getah di dalam plastik biru bertanda 'S1' ditandakan 'S2', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P16A);

(iv) satu balutan plastik ditandakan 'S2(a)' dalam surat khabar 'S2', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P16B);

(v) satu balutan surat khabar yang diikat getah di dalam plastik biru bertanda 'S3' ditandakan 'S4', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P17A);

(vi) satu balutan plastik ditandakan 'S4(a)' dalam surat khabar 'S4', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P17B);

(vii) satu plastik warna hitam ditandakan sebagai 'S5' tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P18);

(viii) dua paket plastik lutsinar yang berisi ketulan mampat daun kering disyaki dadah ganja ditandakan sebagai 'S6' dan 'S7', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P18A dan P18B);

(ix) satu plastik berwarna hitam ditandakan sebagai 'S8', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P19);

(x) sembilan paket plastik lutsinar yang berisi ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki dadah ganja ditandakan sebagai 'S9 hingga S17', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 eksh. P19(1-9);

(xi) kunci motokar warna merah berserta satu alat kawalan jauh berlambang Perodua ditandakan sebagai 'B', tarikh 8 Mei 2019 dan tandatangan SP8 (eksh. P51).

[17] Pada 10 Mei 2019, jam 10.47 pagi, SP8 telah menyerahkan satu kotak bermeterai "Polis Diraja Malaysia 605" yang mengandungi dadah berbahaya kepada ahli kimia iaitu Puan Sharina binti Borhanudin (SP3) di Jabatan Kimia Melaka untuk dianalisa.

[18] Hasil analisis yang dijalankan, SP3 mengesahkan bahawa dadah yang diserahkan adalah jenis Cannabis seberat 2,414 gram (pertuduhan asal). laporan kimia bertarikh 13 Jun 2019 yang disediakan oleh SP3 ditandakan sebagai eksh. P14.

Ringkasan Dapatan Mahkamah Tinggi Di Akhir Kes Pendakwaan

Tiada Kesilapan Di Dalam Pertuduhan

[19] Meskipun pertuduhan tidak memberikan butiran bahawa kedua-dua Tertuduh dituduh mengedar dadah dari sebuah kereta Perodua Alza WC 8992 tetapi hanya disebut di tepi Jalan A Eredia Portuguese Settlement, namun pertuduhan jelas menyatakan masa dan tempat kesalahan pengedaran itu dilakukan. Kegagalan menyatakan bahawa perbuatan itu berlaku di dalam sebuah kenderaan hanya merupakan particulars of a charge dan bukan inti pati kesalahan ("ingredient of the charge").

Berat Kasar Barang Kes

[20] Berat kasar barang kes yang ditimbang oleh SP6 dan SP8 ialah 2,500 gram. Manakala berat kasar barang kes yang ditimbang oleh SP3 ialah 2476 gram (beza 24 gram). Timbangan berat kasar oleh SP3 adalah lebih kurang sahaja dari timbangan berat kasar SP6 dan SP8 dan ini tidak menimbulkan apa-apa prejudis terhadap kedua-dua tertuduh.

Jagaan, Kawalan Dan Pengetahuan Terhadap Dadah

[21] Tertuduh pertama yang memandu kereta tersebut mempunyai jagaan atau kawalan ke atas beg yang mengandungi dadah tersebut kerana ianya telah dijumpai di atas pelapik kaki bahagian pemandu. Dakwaan pihak pembelaan bahawa beg yang mengandungi dadah itu adalah milik Edwart gagal dibuktikan. Justeru itu, terdapat inferens bahawa tertuduh pertama mempunyai pengetahuan mengenai kandungan yang terdapat di dalam beg eksh. P15 itu. Keterangan SP6 bahawa tertuduh pertama bertindak agresif semasa ditangkap juga memberi inferens bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan tentang kandungan yang ada di dalam beg itu.

Ketiadaan Penandaan Ke Atas Dua Bungkusan Plastik Lutsinar P16(B) Dan P17(B) Oleh SP6

[22] Penandaan ke atas dua bungkusan plastik lutsinar tersebut harus dibuat sendiri oleh SP6 dan bukannya dibuat oleh SP8. Walaupun SP6 dapat membuat pengecaman ke atas dua balutan plastik tersebut tetapi tidak ada soalan yang ditanya oleh pihak pendakwaan bagaimana SP6 boleh mengecam dua balutan plastik itu sedangkan tiada tandaan dibuat olehnya.

[23] Tambahan lagi, terdapat percanggahan keterangan antara SP6 dan SP7 yang tidak dijelaskan tentang di mana dan bagaimana barang rampasan telah diperiksa di tempat kejadian. Dengan itu, mahkamah mendapati tidak selamat untuk menerima penjelasan SP8 mengenai kegagalan SP6 membuat tandaan itu.

[24] Walaupun eksh. P52 dan P54 menyenaraikan satu balutan plastik mengandungi bungkusan bongkah dadah disyaki ganja dalam setiap balutan surat khabar, wujud persoalan sama ada balutan plastik mengandungi bongkahan itu adalah yang sama dirampas dan diserahkan kepada SP8.

[25] Mahkamah Tinggi mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kaitan bongkahan bahan disyaki ganja yang terkandung dengan balutan plastik itu. Akibatnya terdapat keraguan sama ada dadah ganja yang dirampas oleh SP6 yang dikatakan berada dalam balutan surat khabar adalah bahan sama yang diserahkan kepada SP8 dan kemudiannya dianalisis oleh SP3.

A **Ketiadaan Keterangan Cap Jari Dan DNA**

[26] Ketiadaan cap jari atau DNA tertuduh pertama pada beg eksh. P15 dan semua beg plastik, balutan surat khabar dan balutan plastik tidak menjejaskan kes pendakwaan. Ini adalah kerana keterangan cap jari dan DNA hanya bersifat koroboratif, lebih-lebih lagi di dalam keadaan di mana dadah yang
B dijumpai berada di dalam jagaan atau kawalan langsung tertuduh pertama.

Pengecaman Barang Rampasan Yang Lain

[27] Walaupun mahkamah mendapati terdapat keraguan terhadap pengecaman dadah yang dijumpai di dalam dua balutan surat khabar
C eksh. P16A dan P17A, namun mahkamah berpuas hati bahawa SP6 dan SP8 telah membuat pengecaman yang jelas terhadap dadah yang terkandung di dalam eksh. P15, P18(A-B) dan P19(1-9). Dengan itu, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan tertuduh pertama mempunyai pemilikan langsung terhadap kesemua barang kes dadah dalam beg eksh. P15, eksh.
D P18(A-B) dan P19(1-9).

Niat Bersama

[28] Tertuduh pertama mempunyai milikan langsung ke atas semua barang dadah yang terkandung di dalam beg eksh. P15 dan eksh. P18(A-B), P19(1-9).
E

[29] Mahkamah mendapati tidak ada keterangan yang menyokong satu dapatan niat bersama di antara kedua-dua tertuduh ini.

[30] Walaupun kereta Perodua Alza WC 8992 tersebut didaftarkan di atas nama tertuduh kedua dan tertuduh kedua turut berada bersama-sama dengan
F tertuduh pertama semasa di dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Melaka, namun tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh kedua telah bersama-sama menerima beg itu.

[31] Keterangan SP8 bahawa bau ganja dari beg itu menunjukkan tertuduh kedua mengetahui keberadaan ganja di dalam beg itu adalah satu andaian
G sahaja dan tidak selamat untuk diterima, lebih-lebih lagi dengan tiada keterangan dari SP6 sendiri bahawa semasa memeriksa kereta di tempat kejadian terdapat bau ganja di dalam kereta itu. Mengikut SP6, selepas beliau membuka sedikit lipatan bungkusan surat khabar barulah beliau mengatakan ada berbau ganja.
H

[32] Penemuan kad perniagaan atas nama tertuduh kedua tidak mencukupi untuk membuktikan kaitan di antara tertuduh kedua dengan beg yang mengandungi dadah itu.

[33] Berdasarkan rakaman percakapan tertuduh kedua yang telah
I dikemukakan oleh pihak pembelaan (eksh. D63), tertuduh kedua menyatakan kereta itu telah diguna oleh tertuduh pertama lebih awal dan semasa tertuduh kedua menaiki kereta itu, beg tersebut sudah pun berada di bahagian pelapik kaki bahagian pemandu.

[34] Dengan itu, tiada keterangan yang dapat mengaitkan tertuduh kedua dengan beg yang mengandungi dadah itu atau dengan perbuatan tertuduh pertama meletak beg itu di dalam kereta tersebut. Oleh itu, tertuduh kedua tidak boleh dikatakan mempunyai niat bersama dalam memiliki dadah tersebut.

Anggapan Pengedaran Dadah

[35] Memandangkan elemen milikan dadah Cannabis (berat bersih 484 gram) yang dijumpai di dalam eksh. P18(A-B), P19(1-9) telah dibuktikan terhadap tertuduh pertama, maka anggapan perbuatan pengedaran dadah Cannabis di bawah s. 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai terhadap tertuduh pertama. Kini, menjadi beban tertuduh pertama untuk mematahkan anggapan tersebut di atas imbangan kebarangkalian. Oleh kerana ketiadaan niat bersama di antara tertuduh pertama dan tertuduh kedua, maka anggapan perbuatan pengedaran dadah tidak dapat dibangkitkan terhadap tertuduh kedua.

Keputusan Mahkamah Di Akhir Kes Pendakwaan

[36] Mahkamah Tinggi mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan tertuduh pertama mempunyai pemilikan langsung ke atas semua dadah yang terdapat di dalam eksh. P15, P18(A-B), P19(1-9) dengan berat bersih 484 gram.

[37] Mahkamah juga mendapati tiada niat bersama di antara tertuduh pertama dan tertuduh kedua dalam memiliki dan melakukan perbuatan mengedar dadah, maka dengan itu pertuduhan terhadap tertuduh pertama dipinda dan beliau diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan pindaan.

[38] Bagi tertuduh kedua pula, pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadapnya dan beliau telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut.

Ringkasan Petisyen Rayuan Pendakwa Raya

[39] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana berhujah bahawa:

(i) Mahkamah Tinggi telah khilaf bila meminda jumlah berat dadah Cannabis pada pertuduhan asal terhadap tertuduh pertama di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Keputusan ini perlu diakaskan dan tertuduh pertama perlu dipanggil untuk membela diri terhadap pertuduhan berat asal yang dikenakan ke atasnya.

(ii) Mahkamah Tinggi telah khilaf bila mendapati di dalam dapatannya terdapat persoalan adakah balutan plastik yang mengandungi bongkahan itu sama dengan yang dirampas dan yang diserahkan oleh SP6 kepada SP8.

(iii) Mahkamah Tinggi telah khilaf bila mendapati terdapat keraguan berkaitan rantaian keterangan barang kes iaitu dua plastik lutsinar yang membaluti dadah-dadah Cannabis yang masing-masing dibaluti dengan surat khabar P16A dan P17A.

(iv) Mahkamah Tinggi telah khilaf bila mendapati wujud keraguan berkaitan identiti barang kes iaitu sama ada barang kes yang dirampas oleh SP6 adalah barang kes yang sama dengan yang telah diserahkan oleh SP6 kepada SP8 atas alasan tiada apa-apa tandaan yang dibuat oleh SP6 ke atas dua plastik lutsinar yang membaluti dadah Cannabis tersebut.

(v) Mahkamah Tinggi telah khilaf bila tidak menerima penjelasan SP8 berkaitan rantaian dan pengecaman barang kes Cannabis sedangkan SP8 setelah menerima surat khabar eksh. P16A dan P17A daripada SP6 yang masing-masing mengandungi plastik lutsinar yang membaluti dadah Cannabis, terus membukanya dan menandakannya masing-masing dengan tandaan S2(a) dan S4(a).

(vi) Mahkamah Tinggi telah khilaf bila gagal untuk menilai keterangan SP6 dan SP8 yang telah camkan kesemua barang kes di mahkamah.

Isu Utama Yang Membawa Kepada Pertuduhan Pindaan

[40] Pada hemat kami, rayuan pihak pendakwaan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi meminda berat dadah Cannabis di akhir kes pendakwaan hanyalah tertumpu kepada dua alasan utama yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi iaitu:

(i) terdapat keraguan mengenai rantaian keterangan barang kes iaitu dua plastik lutsinar yang membaluti dadah-dadah Cannabis yang masing-masing dibungkus dengan surat khabar P16A dan P17A akibat ketiadaan tandaan yang dibuat oleh SP6 atas kedua-dua plastik lutsinar tersebut; dan

(ii) pengecaman oleh SP6 dan SP8 ke atas kedua-dua plastik lutsinar tersebut yang tidak diterima oleh mahkamah.

Keputusan Kami

[41] Pada hemat kami, persoalan utama yang harus ditangani di sini bukanlah berkisar mengenai isu sama ada Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah khilaf apabila meragui pengecaman yang dibuat oleh SP6 terhadap dua plastik lutsinar tersebut kesan daripada ketiadaan tandaan yang dibuat oleh SP6 dan secara langsung telah menjejaskan rantaian keterangan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan itu.

[42] Apa yang harus kami tentukan di sini adalah sama ada kami di peringkat rayuan ini boleh mengganggu perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di akhir kes pendakwaan tersebut bila

beliau mengarahkan tertuduh pertama membela diri di atas pertuduhan pindaan yang melibatkan perbezaan berat dadah Cannabis yang lebih kecil berbanding dengan pertuduhan asal.

[43] Pada hemat kami, belum tiba masanya lagi untuk kami menilai dan menyelami secara terperinci keterangan-keterangan yang telah dizahirkan oleh pihak pendakwaan melalui panggilan saksi-saksi mereka. Dengan kata lain adalah terlalu awal untuk kami berbuat sedemikian di tahap ini. Kami akan hanya menyeberang jambatan tersebut bila sampai waktunya. (We will only cross that bridge when we come to it).

[44] Kami dapati rayuan yang difailkan oleh Pendakwa Raya terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di akhir kes pendakwaan meminda pertuduhan di atas apa alasan sekali pun adalah "incompetent" kerana ianya tidak terjatuh di dalam ruang lingkup definisi 'keputusan' di bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang memperuntukkan seperti berikut:

> "keputusan" termasuklah penghakiman, hukuman atau perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa ketetapan yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara mutkamad.

[45] Definisi "keputusan" yang digunakan di dalam s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di atas, nyata adalah jelas dan tiada keraguan (clear and unequivocal) di mana hak untuk merayu terhadap apa-apa keputusan atau perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi berkaitan kes jenayah tidak termasuk apa-apa perintah (ruling) yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara mutkamad (lihat kes *Syarikat Tingan Lumber Sdn Bhd v. Takang Timber Sdn Bhd* [2003] 2 CLJ 177; [2003] 2 MLJ 495; *Mohamad Ridzuan Zamhor lwn. PP* [2018] 4 CLJ 315; [2018] 2 AMR 17).

[46] Sudah terang lagi bersuluh bahawa perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana meminda pertuduhan di akhir kes pendakwaan tidak boleh dirayu di bawah s. 50 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Seksyen 50 Akta ini memperuntukkan seperti berikut.

Bidang Kuasa Untuk Mendengar Dan Memutuskan Rayuan Jenayah

[47] Seksyen 50(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan bahawa:

> 50. (1) Tertakluk kepada mana-mana kaedah yang mengawal selia prosiding Mahkamah Rayuan berkenaan dengan rayuan jenayah, Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi:
>
> (a) pada menjalankan bidang kuasa asalnya; dan

A (b) pada menjalankan bidang kuasa rayuan atau penyemakannya berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen.

(2) Sesuatu rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Rayuan, dengan kebenaran Mahkamah Rayuan, terhadap mana-mana keputusan
B Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa rayuan atau penyemakannya berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah yang diputuskan oleh Mahkamah Majistret tetapi rayuan itu hendaklah terbatas kepada soal undang-undang sahaja yang berbangkit semasa rayuan atau penyemakan itu dan penentuan oleh Mahkamah Tinggi yang melibatkan kesudahan rayuan atau penyemakan itu.

C **[48]** Mengimbas kembali sejarah pada tahun 1998, satu daripada autoriti terkemuka berkaitan perkara ini adalah keputusan Mahkamah Rayuan di dalam *Saad Abas & Anor v. PP* [1998] 4 CLJ 575 di mana terdapat permohonan bersama oleh dua orang pemohon, memohon untuk kebenaran kepada Mahkamah Rayuan untuk merayu di bawah s. 50 Akta Mahkamah
D Kehakiman 1964 (Akta 91). Secara ringkasnya, latar belakang kes ini adalah seperti berikut.

[49] Pada 11 Januari 1995, kedua-dua pemohon masing-masing telah dikenakan pertuduhan di atas kesalahan menggunakan kekerasan jenayah (criminal force) ke atas seorang wanita dewasa suatu kesalahan di bawah
E s. 354 Kanun Kesekshhaan. Mereka telah dibicarakan bersama dan pada 1 September 1996, di akhir kes pendakwaan, Mahkamah Majistret telah melepaskan dan membebaskan mereka berdua. Terkilan dengan keputusan tersebut, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan tersebut. Pada 2 April 1997,
F Mahkamah Tinggi Alor Setar telah membenarkan rayuan tersebut dan mengarahkan kedua-dua pemohon dipanggil untuk membela diri di hadapan Mahkamah Majistret. Tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi tersebut, pemohon-pemohon telah memohon kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Rayuan di bawah s. 50(2) Akta Mahkamah
G Kehakiman 1964 ('Akta').

[50] Di hadapan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan yang bijaksana, pemohon-pemohon berhujah, antara lain, bahawa kebenaran harus diberi oleh kerana terdapat kemuktamadan dalam keputusan Mahkamah Tinggi. Sewaktu memfailkan permohonan mereka, pemohon-pemohon
H bagaimanapun gagal merumuskan "persoalan undang-undang" di mana mereka berhasrat untuk menumpukan rayuan mereka, dan dengan itu berbangkit soalan sama ada kebenaran untuk merayu, dalam hal keadaan yang wujud, harus diberikan oleh Mahkamah Rayuan.

I **[51]** Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Lamin Mohd Yunus PMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

The present s. 50(2) also carries the words "has affected the event of the appeal" and we therefore do not propose to depart from what has just been said above. The order of the High Court in the present case for which leave to appeal is sought was that the applicants were to enter their defence. At the stage of making the order certainly it has no finality in its intent. Only after the close of the defence as a result of that order will there be finality. Only after the close of the defence will there be a decision to "affect the event of the appeal" meaning that the defence story will finally determine the result of the whole case which was the purpose of the appeal.

Now we may recall s. 50(2) of the Courts of Judicature Act 1964, it employs the word "decision" which is defined in s. 3. Early this year by Amendment Act A 1031 of 1998, that definition was amended to read:

> "decision" means judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties.

So, for the purpose of s. 50(2), this court has first to ascertain whether the "decision" of the High Court in ordering the applicants before us to enter on their defence was a ruling that had the effect of finally disposing of their rights. Certainly not and it would only happen after a decision had been made at the close of the defence.

[52] Rujukan juga dibuat kepada kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [1999] 1 CLJ 537, di mana Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh NH Chan HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

In other words, what has been excluded from the meaning of the word 'decision' is the type of judgments and orders which is termed 'interlocutory' by *Halsbury's Laws of England* (4th edn) para 506 at p. 240, which reads:

> Interlocutory judgments and orders.
>
> An order which does not deal with the final rights of the parties, but either (1) is made before judgment, and give no final decision on the matters in dispute, but is merely on a matter of procedure, or (2) is made after judgment and merely directs how declarations of right already given in the final judgment are to be worked out, is termed 'interlocutory.
>
> An interlocutory order, even though not conclusive of the main dispute, may be conclusive as to the subordinate matter with which it deals. Shortly stated, what the amendment means is that judgment or order which does not deal with the final rights of the parties, but is made pendente lite, and gives no final decision on the matters in dispute, is not a "decision" within the meaning of that word in the current version of s. 3 Courts of Judicature Act, and therefore is not appealable.

[53] Di dalam kes *Karpal Singh Ram Singh v. PP* [2012] 5 CLJ 537; [2012] 5 MLJ 293, Mahkamah Rayuan setelah mendengar rayuan Pendakwa Raya telah mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi melepaskan dan membebaskan tertuduh di akhir kes pendakwaan atas pertuduhan di bawah s. 4(1) Akta Hasutan 1948. Mahkamah Rayuan mendapati berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan, terdapat suatu kes *prima facie* yang berjaya dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan selanjutnya mengarahkan tertuduh dipanggil untuk membela diri dan mengemukakan pembelaannya. Kes dikembalikan semula kepada Mahkamah Tinggi. Persoalan yang harus ditentukan adalah sama ada keputusan Mahkamah Rayuan yang mendapati wujudnya suatu kes *prima facie* tersebut boleh dirayu. Mengupas mengenai isu ini, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Suriyadi Halim Omar HMP (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [15] Section 3 of the CJA defines 'decision' to mean judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties. It is not disputed here that the appeal relates to a criminal matter, as witnessed by the procedure adhered to, and in the event of a conviction, may be sentenced to imprisonment or fined (*Seaman v. Burley* [1896] 2 QB 344; *Armand v. Home Secretary and Minister of Defence of Royal Netherlands Government* [1943] AC 147; *Hamid's on Criminal Procedure*).
>
> [16] The rationale for non-final decisions being non-appealable is primarily geared towards the speedy disposal of cases; such a policy prejudices nobody in light of the many complaints of ageing cases before. The explanatory notes, clarifying the amendment of s. 3 of the CJA introduced by the Amendment Act A1031 of 1998 reads:
>
> > Pada masa ini, semasa mendengar kes, jika mahkamah membuat keputusan tentang kebolehterimaan apa-apa keterangan atau dokumen, pihak yang tidak berpuas hati boleh memfailkan rayuan. Jika rayuan sedemikian difailkan, mahkamah terpaksa memberhentikan pendengaran kes itu sementara menanti keputusan rayuan itu oleh mahkamah atasan. Ini menyebabkan pendengaran itu lambat selesai, lebih-lebih lagi apabila rayuan difailkan terhadap tiap-tiap keputusan yang dibuat oleh mahkamah bicara. Pindaan ini dicadangkan untuk membantu mempercepat pendengaran kes di mahkamah bicara.
>
> [17] From the above explanation it is obvious that Parliament is not oblivious to mid-stream appeals that tend to stall proceedings and delay speedy completion of cases. With justice not being served by unnecessary delays, what with the amended meaning of 'decision' being crystal clear, such technical appeals that have the effect of stalling hearings, are now things of the past (see *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 585; *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. Public Prosecutor* [2011] 2 CLJ 845). No appeal is permitted if viewed as incompetent and precluded by law, and with the facts as they were before us, we agree with the learned DPP that there was no finality in the decision of the Court of Appeal.

[18] In order for a decision to be final, the defence must first be heard, and after a maximum evaluation of the total evidence a decision eventually be made. It is at that conclusive stage, when the fate of the appellant is known, the right of appeal is triggered (*Saad bin Abas & Anor v. Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 129; *Maleb bin Su v. Public Prosecutor; Cheak Yoke Thong* [1984] 1 MLJ 311; [1984] 2 CLJ (Rep) 232) ...

[19] A scrutiny of the scope of the term 'decision' in s. 3 of the CJA reveals that its definition does not extend to the types of 'judgments or orders' which can be termed as 'interlocutory'. In other words, if a judgment or order is not final, in the sense that it does not finally dispose of the rights of the parties in the trial, then it would not fall within the definition of the word 'decision' under s. 3 of the CJA, and thus not appealable.

[54] Di atas isu yang sama juga, di dalam kes *PP v. Mohamed Shahabuddin Mohamed Ali & Ors* [2018] 8 CLJ 535, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohd Zawawi Salleh HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

[23] So too here. We are of the considered opinion that the decision of the learned trial judge in reducing the charge from the offence of murder under s. 302 of the Penal Code to one of culpable homicide under s. 304(a) of the same Code and in calling the respondents to enter their defence on the amended charge is not a decision within the meaning of s. 3 of the CJA and, therefore, is not appealable.

[24] In this instant appeal, the respondents were scheduled to plead on amended charge on 7 September 2017. However, the trial was postponed due to the appeal filed by the PP against the decision of the learned trial judge in amending the charge. Certainly, the decision of the learned trial judge has not finally disposed of the rights of the parties. The learned trial judge had not made a final determination of the rights of the parties at this stage. Something still had to be done by the learned trial judge, *ie*, to hear the respondents' defence and make a decision pursuant to s. 182A of the Criminal Procedure Code. Only a decision at the close of the defence case would effectively dispose of the rights of the parties. Further, to have a final decision in this case, the respondents must be convicted and sentenced or discharge and acquitted, as the case may be. It would, in our view, be incongruous to allow the PP to appeal to this court before the final judgment is meted out by the trial court.

[25] Our courts have applied a "salutary general rule" in criminal and civil proceedings for many years that appeals are not entertained piecemeal. Decision of the High Courts has generally been held to be appealable only if they have three attributes. They must be final in effect, definitive of the rights of the parties, effectively dispose of a substantial part of the relief claimed in the main proceedings and it does not leave anything to be done in the trial with respect of the merits of the case. In other words,

A the rule, in general, permits an appeal to be taken only from a final decision which disposes of all the issues presented in the trial. Quite obviously, all the issues in the case at bench were not disposed of if the respondents have yet to testify in their defence.

Kesimpulan

B **[55]** Bersandarkan kepada nas undang-undang di atas, kami sebulat suara memutuskan bahawa rayuan Pendakwa Raya tidak bermerit. Keputusan dan perintah Mahkamah Tinggi meminda pertuduhan asal dan memanggil tertuduh pertama untuk membela diri di atas pertuduhan pindaan pada hemat kami tidak terjumlah kepada satu perintah atau keputusan yang
C memuktamadkan hak pihak-pihak. Keputusan muktamad adalah sesuatu yang menentukan kausa atas merit dan tidak meninggalkan apa-apa persoalan terbuka untuk penentuan kehakiman.

[56] Dengan itu, keputusan Hakim Mahkamah Tinggi bagi maksud s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tidak boleh dirayu. Hakim Mahkamah
D Tinggi yang bijaksana perlu mendengar pembelaan tertuduh pertama dan kemudiannya membuat keputusan menurut s. 182 Kanun Tatacara Jenayah. Hanya keputusan di penghujung kes pembelaan sahaja yang akan melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad yakni sama ada tertuduh pertama disabitkan atau pun disebaliknya. Oleh itu, amat tidak wajar sama sekali
E untuk membenarkan rayuan di peringkat ini sebelum penghakiman muktamad diputuskan.

[57] Justeru itu, kami memerintahkan kes ini diremit kembali ke Mahkamah Tinggi Melaka untuk Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mendengar pembelaan tertuduh pertama dan saksi-saksinya (jika ada) di atas
F pertuduhan pindaan tersebut.

G

H

I